

OLAHRAGA

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Kejohanan trek dan padang ini akan dijalankan mengikut undang-undang Kesatuan Olahraga Antarabangsa (IAAF) dan Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM).

1.1.1 Mengikut undang-undang dan Peraturan Am Sukan Prestasi Tinggi (SPT) Majlis Sukan Universiti (MASUM) yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan sukan ini.

1.1.2 Kejohanan individu dan berpasukan terbuka kepada pelajar Universiti Awam Malaysia dan Universiti Jemputan MASUM.

1.1.3 Acara tidak akan dipertandingkan sekiranya mempunyai 4 penyertaan sahaja.

1.1.4 Acara yang dipertandingkan :-

ACARA	LELAKI (L)	WANITA (W)
Pecut	100m, 200m, 400m	100m, 200m, 400m
Jarak Sederhana	800m, 1500m	800m, 1500m
Jarak Jauh	5000m, 10000m, 10K JK	3000m, 5K JK,
Berpagar	110m, 400m	100m, 400m
Berhalangan	3000m	-
Lari Berganti-Ganti	4x100m, 4x400m	4x100m, 4x400m
Lompatan	L.Tinggi, L.Jauh, L.Kijang, L. Bergalah	L.Tinggi, L.Jauh, L.Kijang
Balingan	L.Cakera, Merejam Lembing, Melontar Peluru	L.Cakera, Merejam Lembing, Melontar Peluru
Acara Campuran	Decathlon	Heptathlon

1.1.5 Setiap Universiti Awam di Malaysia dibenarkan menghantar tidak lebih dari 2 orang peserta bagi acara individu, kecuali acara 3000M (W), 5000M (L) 10,000M (L) 5KM Jalan kaki (W), 10KM Jalan Kaki (L) dan 3000M Lari berhalangan (L) yang mana dibenarkan menghantar tidak lebih 3 orang peserta dengan syarat penyertaan mesti melebihi 3 buah Universiti.

1.1.6 Setiap Universiti dibenarkan menghantar tidak lebih dari 1 pasukan bagi acara berpasukan. Peserta acara berpasukan mestilah terdiri daripada peserta-peserta yang didaftarkan dalam borang penyertaan

1.1.7 Seorang peserta hanya dibenarkan mengambil tidak lebih dari tiga(3) acara individu dan dua (2) acara berpasukan.

1.1.8 Bagi acara balapan, tambahan peserta baru dibenarkan sekiranya tambahan berkenaan tidak mengubah dan melibatkan susunan aturcara kejohanan yang telah ditetapkan.

1.1.9 Bagi acara padang tambahan peserta baru adalah dibenarkan mengikut susunan giliran yang telah disusun.

2. PERATURAN & SISTEM PERTANDINGAN

2.1 Sesuatu acara hanya akan dijalankan sekiranya terdapat lebih daripada empat (4) peserta individu/pasukan sahaja yang mengambil bahagian.

2.2 Setiap peserta mestilah menghabiskan acara yang disertainya. Jika tidak penyertaan bagi acara berikutnya akan dibatalkan.

2.3 Cara Memutuskan Peserta ke Peringkat Akhir. Dalam acara balapan, yang mana peringkat separuh akhir dijalankan, peserta-peserta ke peringkat akhir dipilih seperti berikut :

2.3.1 Tiga (3) peserta yang mendapat tempat pertama, kedua dan ketiga dalam tiap- tiap separuh akhir.

2.3.2 Dua (2) peserta yang mencapai masa terbaik dalam kedua-dua separuh akhir.

2.4 Lompat Tinggi (L)

1.50 M ditetapkan untuk latihan. Untuk pertandingan, ketinggian palang ditetapkan pada 1.55 M dan dinaikan seperti berikut: 1.60 M, 1.65 M, 1.70 M, 1.75 M, 1.80 M dan dinaikan 3 cm pada tiap-tiap kenaikan seterusnya.

2.5 Lompat Tinggi (W)

1.30 M ditetapkan untuk latihan. Untuk pertandingan, ketinggian palang ditetapkan pada 1.35 M dan akan dinaikan seperti berikut: 1.35 M, 1.40 M, 1.45 M, 1.50 M, dan dinaikan 3 cm pada tiap-tiap kenaikanseterusnya.

2.6 Lompat Bergalah (L)

3.0 M ditetapkan untuk latihan. Untuk pertandingan, ketinggian palang ditetapkan pada 3.50 M dan akan dinaikan 15 cm bagi kenaikan seterusnya.

2.7 Lompat Bergalah (W)

2.30 M ditetapkan untuk latihan. Untuk pertandingan, ketinggian palang ditetapkan pada 2.50 M dan akan dinaikan 10 cm bagi kenaikan seterusnya.

2.8 Ketinggian permulaan bagi acara lompat tinggi dan lompat bergalah dalam acara Decathlon dan lompat tinggi dalam acara Heptahlon akan ditentukan semasa mesyuarat pengurus pasukan.

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti



- 2.9 Acara balapan : peserta-peserta atau wakil dikehendaki melapor diri kepada pegawai penyelia peserta 30 minit sebelum acara dimulakan
- 2.10 Acara padang : peserta-peserta atau wakil dikehendaki melapor diri kepada pegawai penyelia peserta 45 minit sebelum acara dimulakan.
- 2.11 Semua peserta yang melapor diri untuk penyertaan hendaklah memakai lengkap dengan nombor peserta masing-masing. Peserta yang tidak memakai nombor peserta yang telah disediakan tidak dibenarkan bertanding.
- 2.12 Semua acara akan dijalankan mengikut masa, tarikh dan jadual yang telah ditetapkan
- 2.13 Lewat melaporkan diri
Peserta yang melaporkan diri 10 minit sebelum acara dimulakan tidak akan dibenarkan mengambil bahagian dan mereka dianggap telah menarik diri.
- 2.14 Hebahan
Hebahan panggilan peserta untuk melaporkan diri untuk acara- acara yang dijalankan akan dibuat oleh Penyelia Peserta sekali sahaja. Maklumat mengenai melapor diri akan disediakan di papan kenyataan di khemah pengelola peserta.
- 2.15 Penyertaan serentak
Jika didapati seorang peserta menyertai acara balapan dan padang yang dijalankan serentak, peserta yang berkenaan hendaklah melaporkan diri kepada Pelepas atau Ketua Hakim
- 2.16 Bantahan/Rayuan
2.16.1 Sila rujuk Peraturan Am MASUM.
2.16.2 Keputusan yang dibuat oleh JK Bantahan / rayuan adalah muktamad
- 2.17 Pakaian
2.17.1 Bersesuaian untuk acara Trek dan Padang.
2.17.2 Setiap peserta mestilah mempamerkan nombor di sebelah hadapan dan belakang baju supaya dapat dilihat dengan jelas kecuali acara lompat tinggi dan bergalah sahaja dibenarkan memakai satu nombor sahaja.
2.17.3 Semasa upacara penyampaian hadiah, penerima hadiah hendaklah memakai pakaian pasukan dan berkasut untuk menerima hadiah.

2.18 Peralatan

2.18.1 Semua peralatan pertandingan akan dibekal dan disediakan oleh pihak penganjur kecuali "pole" lompat bergalah.

2.18.2 Peralatan pertandingan persendirian boleh dibenarkan jika diluluskan oleh Pengurus Teknikal Kejohanan. Pengesahan peralatan tersebut hendaklah dibuat semasa mesyuarat pengurus pasukan.

2.19 Undian Lorong/Giliran Peruntukan lorong – lorong dan giliran pertandingan akan dibuat cara berikut:

2.19.1 Tiap-tiap pasukan bertanding akan diberi abjad melalui undian, yang mana kemudiannya akan menentukan lorong-lorong untuk acara balapan dan giliran pertandingan.

2.19.2 Cara ini hanya sah digunakan untuk acara dalam pusingan awal dan acara peringkat akhir yang telah ditetapkan.

2.19.3 Undian untuk lorong bagi pusingan berikutnya akan dilakukan semasa kejohanan oleh pengurus kejohanan dan jemaah juri yang dilantik.

2.20 Hadiah

2.20.1 Acara Perseorangan

Pertama : Pingat Emas

Kedua : Pingat Perak

Ketiga : Pingat Gangsa

2.3.1 Acara 3000 Meter, 5000 Meter, 10000 Meter, 5 KM/10 KM Jalan Kaki dan 3000 Meter

Lari Berhalangan:

Pertama : Pingat Emas

Kedua : Pingat Perak

Ketiga : Pingat Gangsa

Keempat : Pingat

Kelima : Pingat

2.3.2 Acara Berpasukan

Pertama : Pingat Emas

Kedua : Pingat Perak

Ketiga : Pingat Gangsa

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti



2.21 Perkara Am

2.21.1 Hanya pegawai – pegawai pertandingan yang bertugas dan peserta – peserta yang mengambil bahagian sahaja dibenarkan masuk ke dalam kawasan arena.

2.21.2 Pihak Jawatankuasa Pengelola tidak bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan atau kerosakan harta benda peserta kejoanan dijalankan

2.22 Jadual Undian lorong/giliran:

2.22.1 Bagi acara perseorangan dan berpasukan

LELAKI	UNIVERSITI												WANITA
UNIVERSITI	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	UNIVERSITI
100 M	1	2	3	4	5	6	7	8					100 M
400 M L/Berpagar					1	2	3	4	5	6	7	8	400M L/Berpagar
200 M	2	3	4	5	6	7	8	1					200 M
5000 M					2	3	4	5	6	7	8	1	3000 M
400	3	4	5	6	7	8	1	2					400 M
4 X 100 M					3	4	5	6	7	8	1	2	4 X 100 M
800 M	4	5	6	7	8	1	2	3					800 M
3000 M L/Berpagar (L)					4	5	6	7	8	1	2	3	5 KM Jalan Kaki
1500 M	5	6	7	8	1	2	3	4					1500 M
4 X 400 M 10,000M					5	6	7	8	1	2	3	4	4X 400 M
110 M L/Berpagar	6	7	8	1	2	3	4	5					100 M L/ Berpagar
10 KM Jalan/Kaki Decathlon					6	7	8	1	2	3	4	5	Heptatlon

2.22.2 Undian bagi acara padang

LELAKI	UNIVERSITI											WANITA
UNIVERSITI	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	UNIVERSITI
ACARA												ACARA
Lompat Tinggi	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	Lompat Tinggi
Melempar Cakera	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	1	Melempar Cakera
Lompat Bergalah	3	4	5	6	7	8	9	10	11	1	2	Lompat Bergalah
Lompat Kijang	4	5	6	7	8	9	10	11	1	2	3	Lompat Kijang
Lompat Jauh	5	6	7	8	9	10	11	1	2	3	4	Lompat Jauh
Merejam Lembing	6	7	8	9	10	11	1	2	3	4	5	Merejam Lembing
Melontar Peluru	7	8	9	10	11	1	2	3	4	5	6	Melontar Peluru

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti



3 RINGKASAN PENYERTAAN

Bil	Pasukan	Nombor	Huruf Pengenalan
1	Universiti Malaya	1000-1099	UM
2	Universti Sains Malaysia	1100-1199	USM
3	Universiti Kebangsaan Malaysia	1200-1299	UKM
4	Universiti Putra Malaysia	1300-1399	UPM
5	Universiti Teknolgi Malaysia	1400-1499	UTM
6	Universiti Teknologi MARA	1500-1599	UiTM
7	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	1600-1699	UIAM
8	Universiti Utara Malaysia	1700-1799	UUM
9	Universiti Malaysia Sarawak	1800-1899	UNIMAS
10	Universiti Malaysia Sabah	1900-1999	UMS
11	Universiti Tun Hussien Onn Malaysia	2000-2099	UTHM
12	Universiti Pendidikan Sultan Idris	2100-2199	UPSI
13	Universiti Malaysia Terengganu	2200-2299	UMT
14	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	2300-2399	UPNM
15	Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia	2400-2499	UTeM
16	Universiti Malaysia Pahang	2500-2599	UMP
17	Universiti Malaysia Perlis	2600-2699	UniMAP
18	Universiti Sultan Zainal Abidin	2700-2799	UniSZA
19	Universiti Malaysia Kelantan	2800-2899	UMK
20	Universiti Sains Islam Malaysia	2900-2999	USIM

- 3.1 Peserta tidak dibenarkan memanaskan badan di dalam kawasan pertandingan.
- 3.2 Semua peserta dan pegawai hendaklah berbaris semasa masuk dan keluar kawasan pertandingan.
- 3.3 Tempat khas hendaklah disediakan untuk peserta dan pegawai.
- 3.4 Selain daripada pegawai- pegawai yang bertugas dan peserta-peserta yang mengambil bahagian, individu atau pihak yang tidak berkenaan tidak dibenarkan masuk dalam kawasan pertandingan.

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti



ACARA	ATLET		PEGAWAI					
	LELAKI	WANITA	PENGURUS	JURULATIH	PERUBATAN			
100m	2	2	2	4	1			
200m	2	2						
400m	2	2						
800m	2	2						
1500m	2	2						
3000m	-	3						
5000m	3	3						
10000m	3	3						
3000m berhalangan	3	-						
110m berpagar	2	-						
100m berpagar	-	2						
400m berpagar	2	2						
4x100m	6	6						
4x400m	6	6						
Lompat Tinggi	2	2						
Lompat Jauh	2	2						
Lompat Kijang	2	2						
Lompat Bergalah	2	-						
Melempar Cakera	2	2						
Merejam Lembing	2	2						
Melontar Peluru	2	2						
Heptahlon	-	2						
Decathlon	2	-						
Maksima Atlet	25	25						